




**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**11 Mac 2025
10 Ramadan 1446H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian [Online]	• Kedai jual ikan larangan khas untuk tempahan dalam talian diserbu
Harian Metro	•
Kosmo	• Air Sungai Jelai keruh, pengusaha ikan sangkar resah • Rezeki pancing kelah RM1,800
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
BenarNews Malaysia [Online]	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

Kedai jual ikan larangan khas untuk tempahan dalam talian diserbu



SHAH ALAM: Taktik licik dua kedai akuarium di daerah Petaling menjual ikan larangan dengan berselindung di sebalik jualan dalam talian terbongkar selepas diserbu Jabatan Perikanan Selangor, semalam.

Difahamkan, kedua-dua premis tidak dibuka kepada orang awam, namun dibuka khas untuk pembeli bagi tempahan dalam talian.

Pengarah Perikanan Selangor, Noraisyah Abu Bakar berkata pihaknya merampas 174 ikan pelbagai jenis dan saiz.

Kedai jual ikan larangan khas untuk tempahan dalam talian diserbu

"Antara yang ditemui adalah Spotted Gar, Peacock Bass, Amazon Red Tail Catfish (RTC), Tiger Shovelnose Catfish, Emperor Blue Hook, Arapaima dan Silver Dollar.

"Kertas siasatan sudah dibuka terhadap kedua-dua perniagaan terbabit," katanya menerusi kenyataan, malam tadi.

Noraisyah berkata, semua pihak diingatkan supaya mematuhi peruntukan undang-undang sedia ada.

"Larangan pemilikan ikan larangan adalah di bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Import, DSB Bagi Ikan) (Pindaan 2024).

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	↗	NEUTRAL			13	11-03-2025



SEBAHAGIAN pengusaha ikan sangkar Sungai Jelai menangkap ikan di sangkar yang dipenuhi lumpur dan keruh di Lipis.

Air Sungai Jelai keruh, pengusaha ikan sangkar resah

LIPIS — Seorang pengusaha ikan sangkar Sungai Jelai di Kampung Ganding, Mukim Cheka di sini terkejut apabila mendapati air sungai itu berubah keruh dan berlumpur pagi semalam,

Khairol Anuar Ahmad Maher, 39, berkata, perubahan luar biasa itu dipercayai berpunca daripada kejadian kepala air yang berlaku di hulu sungai.

“Untuk tahun ini, kali pertama air menjadi sebegini keruh. Sebelum ini memang ada kekeruhan tetapi tidak seteruk hari ini.

“Alhamdulillah, setakat ini tiada ikan yang mati. Walau bagaimanapun saya akan memantau keadaan air sungai dari semasa ke semasa kerana bimbang mampu menjejaskan operasi penternakan ikan sang-

kar yang saya usahakan ini,” katanya di sini semalam.

Tambahnya, bagi mengelakkan risiko kematian ikan, dia tidak memberi makanan kepada ternakan buat sementara waktu kerana lumpur yang melekat pada makanan boleh menjejaskan ternakannya.

“Makanan yang bercampur lumpur boleh menyebabkan insang ikan tersumbat dan akhirnya mengakibatkan kematian.

“Buat masa ini, saya hanya menunggu keadaan air kembali jernih sebelum memberi makanan kepada ikan semula,” katanya.

Dia berkata, setakat tengah hari ini, warna air masih sama dan berharap keadaan kembali pulih dalam masa terdekat bagi memastikan ternakan ikannya tidak terjejas.

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		✓	NEGATIF		NEUTRAL			14	11.3.2025



MOHD. FADZILAH menunjukkan ikan kelah yang berjaya dipancing di Gemencheh semalam.

Rezeki pancing kelah RM1,800

TAMPIN – Seorang nelayan tidak sangka umpan tombong kelapa yang digunakannya mampu mendapat ikan kelah bernilai ribuan ringgit.

Mohd. Fadzilah Kadir, 60, dari Kampung Pasir Besar, di sini berkata, dia mendapati harga terkini ikan kelah boleh dijual pada harga RM5,000 bagi setiap sekilogram (kg).

Bagaimanapun katanya, dia hanya menjual ikan seberat 3.2kg itu pada harga RM1,800 berbanding RM15,000 mengikut anggaran diberikan kerana menganggap itu mungkin rezekinya sempena Aidilfitri ini.

“Biasa pendapatan saya sebagai nelayan sekitar RM800 sebulan. Adalah dapat ikan baung, lampan dan juga udang. Masa dapat ikan kelah semalam, saya memancing di Sungai Muar yang

terletak di belakang rumah.

“Saya guna joran untuk dapat udang, tiba-tiba rasa berat. Saya fikir labi-labi tapi saya tarik juga sehingga joran saya patah. Saya terjun ke sungai dari bot dan tarik tali pancing, alhamdulillah tak sia-sia dapat kelah,” katanya.

Ujar Mohd Fadzilah lagi, dia menjual ikannya itu kepada kenalan lelaki berbangsa Cina yang sebelum ini kerap mengingatkannya untuk segera menghubungi sekiranya mendapat ikan bernilai tinggi untuk dijual.

“Sepanjang lebih 40 tahun saya memancing ikan di lokasi ini, saya tidak pernah mendapat ikan kelah.

“Ini lah pertama kali. Sebelum ni ada dengar juga ada beberapa orang dapat kelah, namun dalam saiz yang kecil dari 800 gram hingga 1.5 kg,” katanya.